

# iECONS bincang ekonomi Islam

KUALA LUMPUR 4 Sept. - Persidangan Kelima Sistem Ekonomi Islam (iECONS) 2013 anjuran Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang berlangsung selama dua hari bermula hari ini turut membincangkan isu berkaitan sistem ekonomi Islam dunia.

Dekannya, Asmaddy Haris berkata, persidangan yang bertema *Pembangunan Pencapaian Prestasi Melalui Sistem Ekonomi Islam* itu dihadiri kira-kira 104 pembentang dari pelbagai negara termasuk Malaysia, Iran, Arab Saudi dan Algeria.

Menurut beliau, pihaknya meneruskan iECONS 2013 bertujuan untuk melihat sejauh mana hala tuju perkembangan perbankan Islam sepanjang 30 tahun diperkenalkan di Malaysia.

“Para peserta akan menghantar topik berkenaan ekonomi Islam untuk dianalisis dan dinilai oleh pakar kewangan Islam iaitu Dr. Zamil Iqbal sebelum mereka membuat pembentangan kertas kerja masing-masing.

“Antara topik ekonomi akan diketengahkan adalah mengenai kerjasama, peluang dan cabaran dihadapi negara Islam dalam memastikan keseimbangan ekonomi tercapai terutama dalam perban-



**MUHAMMAD Ali Hashim (tengah) melihat buku Sambutan Ulangtahun ke-30 Institusi Kewangan dan Perbankan Islam sambil diperhatikan oleh Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Prof. Datuk Dr. Asma Ismail dan juga Dr. Asmaddy Haris pada pelancaran buku tersebut di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/NOORADZRENE MOHD. NOOR**

kan Islam,” katanya di sini.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas pelancaran buku *Celebrating 30 Years of Islamic Banking and Financial Institutions in Malaysia* oleh Presiden Dewan Perdagangan Islam Malaysia, Tan Sri Muhammad Ali Hashim.

Mengulas lanjut mengenai persidangan tersebut, Asmaddy ber-

kata, para peserta juga akan membincangkan penyelidikan teori dan gunaan yang berkaitan dengan sistem ekonomi Islam dari kawasan yang berbeza.

“Ini adalah platform yang baik untuk meneroka dan melaksanakan syariah islamiah dalam ekonomi, perbankan, kewangan dan muamalat,” katanya.